



## PROMOSI PEMBIAYAAN KENDERAAN ELEKTRIK

Kemas kini terakhir 1/4/2025

### TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (193401000023 [97141-X]) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 [686191-W]) (“HLISB”) (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) “Promosi Pembiayaan Kenderaan Elektrik” (“Promosi”) bermula pada **1 April 2025** dan berakhir pada **31 December 2025**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”).

### TERMA & SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini (“T&S”):

### KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu dan bukan individu Bank yang telah memenuhi kriteria berikut (“Pelanggan Layak”):
  - a) telah membuat pembelian mana-mana model baharu Tesla yang dijual oleh Tesla Malaysia yang rasmi sahaja; dan
  - b) telah mematuhi Mekanik Promosi di bawah.

Pelanggan Layak bukan individu merujuk kepada Syarikat sendirian Berhad, Syarikat tersenarai awam, persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, pertubuhan tidak menguntungkan, pemilikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, amalan profesional yang didaftarkan atau diperbadankan dengan sewajarnya di Malaysia.

2. Produk Bank yang layak untuk Promosi ini adalah seperti berikut (“Produk Sertaan”):
  - a) Pinjaman Auto Kadar Tetap Hong Leong; dan
  - b) Pembiayaan Auto-i Kadar Tetap Hong Leong.
3. Pelanggan berikut TIDAK layak untuk menyertai Promosi ini:
  - a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau
  - b) Pelanggan telah diisyiharkan muflis (sama ada menurut petisyen oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi; atau
  - c) Pelanggan yang telah melakukan atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di sini.

### MEKANIK PROMOSI

4. Pelanggan Layak mestilah mengemukakan permohonan mana-mana Produk Sertaan kepada Bank untuk membiayai pembelian model kenderaan Tesla semasa Tempoh Promosi.

5. Semua permohonan Produk Sertaan yang telah berjaya dihantar dan diterima oleh Bank sebelum atau pada **31 December 2025** akan melayakkan Pelanggan Layak untuk menikmati manfaat nilai tambah berikut:
  - i Kelulusan pantas untuk Produk Sertaan, tertakluk pada dokumen yang lengkap seperti yang ditetapkan oleh Bank;
  - ii Kadar pembiayaan istimewa (berdasarkan kes individu: penyesuaian kadar mengikut keadaan); dan
  - iii Tempoh bayaran balik/bayaran yang fleksibel sehingga 90% margin pembiayaan.

#### **AM**

6. Promosi ini **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
7. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak dengan ini:
  - a) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S Promosi ini, terma dan syarat yang berkenaan dengan Produk Sertaan dan Notis Privasi Bank yang terdapat di laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (“**Laman Sesawang Bank**”);
  - b) bersetuju untuk bertanggungjawab memberi butiran hubungan yang sah dan terkini termasuk alamat, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel kepada Bank, dan memberitahu Bank sekiranya berlaku perubahan dengan segera;
  - c) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang direkodkan oleh sistem Bank ketika Tempoh Promosi adalah muktamad;
  - d) bersetuju bahawa semua permohonan untuk Produk Sertaan adalah tertakluk pada penilaian dan kelulusan kredit Bank;
  - e) memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk kegunaan, pendedahan dan penerbitan maklumat peribadi mereka (i.e., nama dan nombor ID terlitup) untuk tujuan publikasi, pengiklanan atau promosi dengan mana-mana media;
  - f) bersetuju untuk memberi butiran hubungan i.e. nombor telefon bimbit dan alamat yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan Layak disebabkan oleh nombor telefon mudah alih dan/atau alamat yang tidak tepat/tidak sah yang diberikan oleh Pelanggan Layak;
  - g) bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini;
  - h) bersetuju bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad;
  - i) bersetuju bahawa T&S ini dan terma dan syarat yang berkenaan dengan Produk Sertaan akan dibaca bersama sebagai suatu perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan yang berkaitan dengan Promosi ini;
  - j) bersetuju bahawa sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, T&S di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai; dan

- k) bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang Bank pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan memastikan mereka mengikuti sebarang perubahan atau variasi terkini mengenai T&S ini.
8. Bank berhak untuk-
- a) menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memaklumkan menerusi Laman Sesawang Bank atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank; dan
  - b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Promosi sekiranya berlaku ketidakpatuhan T&S yang terdapat di sini.
9. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
10. Perkataan yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila hubungi staf kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).